

# Hargai keselamatan

u.m 24/08/07 M/s 11

Oleh AMIR SARIFUDIN  
(WARTAWAN UTUSAN)

**LIMA** puluh tahun telah berlalu, namun rakyat dilihat masih lena dibuai dengan keseronokan dan khayalan kemajuan sosioekonomi, politik dan lain-lain.

Ramai tidak sedar bahawa kemajuan yang dicapai hari ini adalah hasil dari keadaan keselamatan terkawal dan kukuh hasil pengorbanan pejuang-pejuang masa lalu.

Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Mejar Jeneral Datuk Mohd. Salleh Ismail ketika diwawancara *Utusan Malaysia* berkata, kesedaran keselamatan rakyat terhadap keselamatan masih cetek.

Menurutnya, ada yang menganggap isu keselamatan sebagai remeh.

“Kejadian dan isu-isu yang melibatkan kepentingan dan agenda negara-negara tertentu tidak dihalusi sama ada ia boleh mengancam kedaulatan negara atau sebaliknya.

“Kejadian bencana seperti tsunami

lain maklumat perisikan dan lain-lain yang dilakukan oleh kuasa besar bagi memonopoli dunia perisikan.

Keadaan ini berupaya mengubah senario politik dan keselamatan dunia mengikut kehendak kuasa-kuasa besar. Mereka mengeksploitasi perisikan bagi mencapai agenda dan kepentingan nasional masing-masing.

Ekoran faktor-faktor tersebut, apakah rakyat dan negara harus cukup berpuas hati berikutan keadaan sekarang yang boleh dianggap sudah tiada lagi ancaman.

Menurut Mohd. Salleh, ancaman terhadap negara boleh dikategorikan dalam tiga bentuk iaitu ancaman yang dapat dilihat, ancaman yang memungkinkan berlaku dan ancaman sebenar.

“Kita mesti ingat bahawa kawan kita hari ini mungkin akan menjadi musuh pada esok hari. Begitu juga sebaliknya.

“Asas ancaman terhadap negara adalah dari faktor keupayaan dan niat musuh. Kedua-dua elemen ini saling berkait dalam analisis ancaman terhadap negara,”



MOHD. SALLEH ISMAIL

pula, beliau berkata, serangan Pusat Dagangan Dunia di Amerika Syarikat pada 11 September 2001 terus menjadi perhatian masyarakat dunia.

Sebenarnya, isu keganasan dan insurgensi telah pun menjadi satu permasalahan besar di hampir semua negara Asia Tenggara dari



**KESEDARAN** generasi muda terhadap semangat cintakan tanah air tidak bersifat sementara.

...mi, banjir, kemalangan udara, laut dan darat dan isu-isu seperti isu air, kaum, penganan komunis, pengurangan, krisis politik, isu pengintip, krisis wang, pendatang asing tanpa izin (PATI), tambak tanah, keadaan selatan Thailand dan penganan, adalah sebilangan dari contoh yang merupakan cabaran bakal dihadapi dari segi keselamatan negara masa kini dan akan datang," katanya.

Sehubungan itu, beliau melihat masyarakat negara ini masih tidak serius atau peka akan kejadian dan isu-isu tersebut.

Apa akan terjadi dalam jangka masa 50 tahun akan datang? Apakah rakyat Malaysia akan dapat dibimbing dan dibudayakan dengan kesedaran keselamatan di sekeliling mereka?

"Inilah cabaran terbesar bagi rakyat dan masyarakat Malaysia keseluruhannya. Bagi saya kesedaran keselamatan ini amat penting seperti mana diketengahkan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu dengan Konsep Keselamatan dan Pembangunan (Kesban), yang telah menjadi tonggak kejayaan kita masa lalu," katanya.

Cabaran seterusnya adalah perkembangan baru fenomena perisikan antarabangsa, di mana banyak berlaku kejadian seperti kegagalan perisikan, kesilapan peni-

Di samping itu, rakyat perlu akur bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang memiliki banyak sumber alam dan khazanah bernilai tinggi.

Ini menjadi tarikan kepada 'orang luar' termasuk 'negara bangsa' serantau dan antarabangsa.

Kedudukan geostrategik Malaysia juga merupakan sesuatu yang sangat dicemburui dan diminati oleh mana juga negara bangsa yang mempunyai kepentingan dan agenda tersendiri.

Jika dilihat dari sudut keselamatan dengan kehadiran sejumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) sahaja, ancaman terhadap negara dapat dilihat sebagai suatu realiti dan mampu menjadi ancaman.

Seharusnya rakyat dan negara perlu berwaspada dan sentiasa merasa tidak berpuas hati dengan keadaan yang dikatakan aman ini.

Seperti mana Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini berkata: "2020 bukan sasaran mutlak untuk maju. Ia tidak terhenti setakat itu. Untuk terus cemerlang, gemilang dan terbilang kita akan terus memperbaiki keupayaan dan kemahiran kita menjangkau matlamat 2020 terutama dari sudut keselamatan."

Dari segi ancaman penganas

Malaysia sebagai contoh, telah sekian lama menghadapi insurgensi komunis dari tahun 1948 hingga 1990-an dan merupakan satu-satunya negara di dunia dapat menghapuskan pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) dengan jayanya.

Dewasa ini, Malaysia berhadapan dengan penganas-penganas yang lebih sofistikated dan mempunyai perancangan teratur seperti AI-Maunah, KMM dan Jemaah Islamiah (JI).

Mohd. Salleh mengingatkan memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara masyarakat majmuk, pelbagai agama dan kebudayaan, penganas-penganas akan cuba mengeksploitasi isu-isu sensitif bagi menyetoskan ketegangan kaum dan agama serta menggunakan platform agama untuk meraih simpati rakyat terhadap perjuangan mereka.

Kebanyakan kumpulan penganas di Asia Tenggara mempunyai objektif politik dan ideologi berbeza-beza dengan hasrat utama mendapatkan autonomi atau menggantikan kerajaan sedia ada dengan kerajaan baru bertunjangkan fahaman komunisme atau berasaskan apa yang mereka katakan sebagai syariat Islam.

Kumpulan-kumpulan penganas yang dikesan di negara ini kebanyakannya mendapat lati-

## Majoriti rakyat tidak ambil kisah tentang perkara keselamatan yang sudah pun berada di hadapan mereka. Kini mereka terlalu terdedah kepada alam virtual (siber) dan bukan realiti

han dan diindoktrinasi oleh rangkaian penganas antarabangsa seperti Al-Qaeda.

"Kebanyakan ahlinya terdiri daripada pelajar dan pensyarah serta golongan terpelajar (majoritinya beragama Islam) yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah dan bercita-cita mengembalikan pemerintahan Islam di negara ini dengan menuduh kerajaan sebagai tidak Islamik.

Oleh itu, mereka melancarkan gerakan untuk menghuru-harakan negara dengan mengambil pendekatan keganasan demi melumpuhkan kerajaan dan menghasut rakyat supaya bersama dalam perjuangan yang mereka anggap sebagai jihad dan suci.

Menjawab pertanyaan, Mohd. Salleh berkata, peranan yang perlu dipamerkan oleh perisikan tentera terutama Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) amatlah berat bagi membantu kerajaan meneruskan ke-

sinambungan terhadap keselamatan negara.

Mengakhiri wawancara tersebut, beliau berpendapat, hanya sebilangan rakyat Malaysia benar-benar menghargai nikmat keselamatan yang dilalui masa kini.

"Majoriti rakyat tidak ambil kisah tentang perkara keselamatan yang sudah pun berada di hadapan mereka.

"Kini mereka terlalu terdedah kepada alam virtual (siber) dan bukan realiti. Mereka tidak punya objektif yang nyata dan hala tuju kukuh. Sejak dari alam persekolahan mereka hanya mementingkan aspek akademik daripada kokurikulum. Keamanan dan kemewahan telah menjadikan rakyat rasa terlalu selesa dan tidak langsung menghargai keselamatan yang mereka lalui," katanya.

Bagi memastikan kesedaran keselamatan diterap dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat, nilai kesedaran perlu dididik di peringkat sekolah lagi.

**MOHD. SALLEH ISMAIL**  
Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan